



MATTHIAS GELBER (tengah) bersama pelajar-pelajar Universiti Malaysia Pahang selepas syarahan *Eco Challenges and Opportunities for Modern Society* di Kuantan, Pahang, baru-baru ini. Turut kelihatan Dr. Daing Nasir Ibrahim. - UTUSAN/ AHMAD ZAKKI JILAN

UTUSAN MALAYSIA (Foto: Kampus) 17/12/14 (Rabu) MS: 26

2,000 hadir dengar ceramah 'Orang Hijau' di UMP

KUANTAN 16 Dis. - Seramai 2,000 termasuk ahli akademik, pelajar dan pemimpin masyarakat mengikuti program syarahan aktivis alam sekitar terkenal dari Jerman, Matthias Gelber yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini baru-baru ini.

Dalam syarahan bertajuk *Eco Challenges and Opportunities for Modern Society*, Gelber yang di anugerahkan Manusia Paling Hijau Dunia pada 2008 berkongsi pengalamannya sebagai seorang

aktivis yang memperjuangkan isu penghijauan bumi.

Menurutnya, adalah menjadi peranan semua orang di dunia ini untuk menjaga alam sekitar dan memastikan kehijauannya terus terpelihara.

"Saya sememangnya hijau sejak alam kanak-kanak lagi, membesar di sebuah ladang di Jerman. Kami tanam kentang, buah-buahan serta sayur sendiri," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program itu

sebagai salah satu usaha ke arah pelaksanaan inisiatif kampus hijau yang bakal dilaksanakan di universiti ini.

"Syarahan antarabangsa ini adalah sinonim dengan alam sekitar dengan penampilan tokoh terkemuka iaitu Gelber yang terkenal sebagai seorang aktivis yang memperjuangkan isu penghijauan bumi.

"Program ini merupakan sumbangan universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha meng eratkan hubungan dua hala antara

universiti dan masyarakat," katanya.

Katanya, syarahan itu dapat menyuburkan lagi persekitaran akademik yang mendokong ke arah kecerlangan sesebuah universiti di samping merealisasikan pengembangan ilmu pengetahuan kepada masyarakat kampus dan luar kampus.

"Saya berharap golongan akademik, penyelidik, pelajar dan pemimpin masyarakat serta orang ramai dapat memanfaatkan program syarahan ini," katanya.